

20 JUL 2001

Mahathir-Black Metal

CARI PENYELESAIAN SEGERA ATASI MASALAH REMAJA

KOTA BAHARU, 20 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua pihak, terutama ibu bapa dan guru, mencari punca dan menyelesaikan segera masalah yang dihadapi golongan remaja hingga terbabit dalam kes jenayah dan anti agama.

Perdana Menteri berkata adalah amat sedih kerana hari ini terdapat bermacam-macam berlaku di kalangan pelajar belasan tahun, yang masih muda, sedangkan tidak berlaku sebelum ini.

"...bukan Cina bukan India tetapi Melayu...orang India, orang Cina pun terlibat tetapi bilangan terbesarnya ialah Melayu.

"Hari ini kita telah baca berkenaan satu kumpulan Melayu yang sudah lari daripada ajaran Islam, mereka menyembah syaitan, mereka terlibat dengan apa yang dipanggil black metal," katanya ketika merasmikan Program Celik IT di Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian 2 di sini hari ini.

Perdana Menteri yang mengulas lanjut mengenai masalah remaja itu di hadapan kira-kira 3,000 orang. berkata kumpulan remaja itu terbabit dengan lagu dan lirik nyanyian yang menyuruh mereka membuat perkara jahat seperti menolak budaya bangsa, nilai-nilai mulia bangsa bahkan menolak agama Islam.

Akhbar hari ini melaporkan Kabinet mengeluarkan arahan supaya pihak berkuasa menyoal siasat beberapa kumpulan muzik terkenal tanah air yang dipercayai terlibat membantu beberapa kumpulan tertentu menyebarkan fahaman anti ketuhanan kepada remaja melalui muzik.

Keputusan kabinet pada mesyuaratnya semalam dibuat setelah laporan mengenai kewujudan unsur-unsur ajaran sesat melalui muzik Black Metal hangat diperkatakan.

Dr Mahathir berkata mereka telah sampai ke tahap sanggup pijak Al Quran, mengoyak dan memijaknya bersama dengan kitab Injil.

"Cuba kita tanya pada diri kita kenapakah perkara ini berlaku sedangkan dahulu tidak berlaku, yang lebih menyedihkan lagi murid-murid ini, yang membuat kelakuan luar biasa ini, majoritinya datang dari pelajar sekolah agama.

"Apakah agama kita menyuruh kita terlibat dengan kegiatan seperti ini? Sudah tentu tidak, tentulah berlaku sesuatu yang menyebabkan mereka ini sanggup menolak agama dan melibatkan diri dalam kegiatan anti agama, anti tradisi, anti budaya masyarakat," katanya.

Dr Mahathir mempersoalkan di manakah remaja terbabit menerima pengaruh ini dan apakah yang menyebabkan ketahanan diri mereka menjadi begitu lemah sehingga mereka sanggup membuat perkara yang dilarang oleh agama.

"Kita perlu tanya pada diri kita di manakah kesilapan kita, di mana kesalahan yang kita buat ...jangan sembunyikan, yang bersalah mesti kita kenali sebagai bersalah supaya dapat kita betulkan. Janganlah dengan adanya kepentingan lain kita sembunyikan perkara-perkara yang salah," katanya.

Ini kerana katanya disebabkan disembunyikan perkara-perkara itu maka masalah itu dapat dilihat sekarang ini, iaitu kegiatan menolak agama oleh anak-anak akan berterusan, dan ramai lagi yang akan mencontohinya.

"Apa akan terjadi kepada masyarakat kita yang akan datang, yang akan terdiri daripada orang yang tidak berilmu pengetahuan, tidak berpegang kepada ajaran agama sehingga ke tahap mereka sanggup berbuat bermacam-macam perkara yang bertentangan dengan agama," katanya.

Oleh itu Perdana Menteri berkata sebagai ibu bapa, mereka perlu bertanggungjawab untuk menjaga anak-anak agar menjadi manusia yang bertanggungjawab pada masa depan.

Guru-guru juga perlu memainkan peranan yang lebih berkesan bagi memastikan masalah di kalangan remaja itu dapat di atasi, katanya.

-- BERNAMA

BD RON